

Setem  
Hasil  
(RM 10)

**SURAT AKUJANJI DAN TANGGUNGRUGI PEROLEHAN TANAH TAPAK  
PEPASANGAN ELEKTRIK.**

Kepada:

**Tenaga Nasional Berhad,**  
Pejabat Setiausaha Syarikat,  
Tingkat 2, Ibu Pejabat Tenaga Nasional Berhad,  
No. 129, Jalan Bangsar,  
59200, Kuala Lumpur.

**Maklumat Tanah:-**

1	Nama Pemilik Berdaftar	:	
2	No. Kad Pengenalan/ No. Pendaftaran Syarikat	:	
3	Alamat Pemilik Berdaftar	:	
4	Nama Pemaju (jika Pemaju bukan Tuan Tanah)	:	
5	No. Pendaftaran Syarikat	:	
6	Alamat Pemaju	:	
<b>Butiran Tanah Tapak Pemasangan</b>			
7	No. Surat Hakmilik	:	
8	No. Lot	:	
9	Mukim	:	
10	Daerah	:	
11	Negeri	:	
12	Keluasan Lot	:	
13	Keluasan Tapak Pemasangan yang diluluskan TNB (mps)	:	
14	No GPS tapak Pemasangan yang diluluskan oleh TNB	:	

**SURAT AKUJANJI DAN TANGGUNGJAWAB PEROLEHAN TANAH TAPAK  
PEPASANGAN ELEKTRIK.**

Sebagai balasan kepada Tenaga Nasional Berhad (No. 200866-W) sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965, dan mempunyai alamat berdaftar di Pejabat Setiausaha Syarikat, Tingkat 2, Ibu Pejabat Tenaga Nasional Berhad, No. 129, Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia (selepas ini disebut sebagai "TNB") kerana penyediaan pemasangan bagi tujuan pemberian bekalan elektrik, \*saya/ kami \_\_\_\_\_ (\*No. Kad Pengenalan/ No. Pendaftaran Syarikat: \_\_\_\_\_) yang \*beralamat/ mempunyai alamat berdaftar di \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ sesungguhnya bersetuju dan berakujaji dengan TNB seperti berikut :-

**1. a. (Bagi Pemilik Tanah)**

\*Saya/ Kami adalah pemilik berdaftar dan pihak yang mempunyai kepentingan ke atas tanah yang dikenali sebagai \_\_\_\_\_ (selepas ini disebut sebagai "Tanah Tersebut") sebagaimana salinan dokumen hakmilik terkini yang diakui sah oleh pejabat tanah yang berkenaan seperti di **Lampiran A** pada Surat Akujaji dan Tanggungjawab ini.

**b. (Bagi bukan Pemilik Tanah/ Pemegang Surat Kuasa Wakil/ Pihak kepada Perjanjian Usahasama)**

\*Saya/ Kami bersetuju menyatakan bahawa \_\_\_\_\_ (No. Kad Pengenalan/ No. Pendaftaran Syarikat: \_\_\_\_\_) adalah pemilik berdaftar tanah yang dikenali sebagai \_\_\_\_\_ (selepas ini disebut sebagai "Tanah Tersebut").

Berdasarkan kepada dokumen yang di lampirkan sebagai **Lampiran B** Surat Akujaji dan Tanggungjawab ini, pemilik berdaftar tanah telah memberikan \*saya/ kami kuasa yang tidak boleh dipertikaikan untuk memberikan akujaji ini kepada TNB dan melaksanakan terma dan syarat Surat Akujaji dan Tanggungjawab ini bagi pihak pemilik berdaftar tanah.

2. Bagi tujuan penyediaan pemasangan di atas Tanah Tersebut \*saya/ kami bersetuju dan berakujaji untuk mengadakan tapak bagi TNB menempatkan pemasangan tersebut ("selepas ini disebut sebagai "Tanah Tapak Pemasangan") dan membiayai semua kos dan perbelanjaan serta mengambil tindakan seperti berikut;

- a. Bagi hakmilik yang bersyaratkan tanah tapak pencawang elektrik/ industri hendaklah memindahkan Tanah Tapak Pemasangan kepada TNB dengan bayaran nominal sebanyak RM10.00 sahaja;
- b. Jika hakmilik berasingan tidak dikeluarkan bagi Tanah Tapak Pemasangan, hendaklah memajukkan Tanah Tapak Pemasangan kepada TNB selama 30 tahun dengan bayaran sebanyak RM10.00 sahaja mengikut terma dan syarat yang ditetapkan oleh TNB dengan pilihan bagi TNB untuk memperbaharui pajakan itu selama 30 tahun lagi dengan terma dan syarat yang sama atau untuk satu tempoh masa pajakan maksimum yang dibenarkan di bawah Kanun Tanah Negara 1965;

**SURAT AKUJANJI DAN TANGGUNGRUGI PEROLEHAN TANAH TAPAK  
PEPASANGAN ELEKTRIK.**

- c. Jika Tanah Tersebut berstatus tanah kerajaan, hendaklah membolehkan TNB memperolehi hakmilik Tanah Tapak Pemasangan melalui proses bermilik berdasarkan peruntukan Kanun Tanah Negara 1965; dan
  - d. memberi kebenaran kemasukan kepada TNB untuk memasuki Tanah Tersebut untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan atau pemasangan dan penyelenggaraan pemasangan.
3. \*Saya/ Kami juga bersetuju bahawa lokasi Tanah Tapak Pemasangan dan pembinaan pemasangan hendaklah mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh TNB dari aspek teknikal dan mengikut mana-mana peruntukan undang-undang yang terpakai.
4. \*Saya/ Kami bersetuju bahawa bagi pemasangan lain TNB termasuk dan tidak terhad kepada kabel atau talian elektrik yang perlu diletakkan di atas Tanah Tersebut hendaklah ditempatkan di atas laluan rizab utiliti yang telah disediakan. Jika tiada laluan rizab utiliti di atas Tanah Tersebut, \*saya/ kami bersetuju untuk menandatangani Perjanjian Izinlalu di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 berdasarkan terma dan syarat yang ditetapkan oleh TNB ("selepas ini disebut sebagai "Proses Izinlalu").
5. Sekiranya \*saya/ kami memerlukan bekalan elektrik sebelum urusan pindahmilik, bermilik atau pajakan Tanah Tapak Pemasangan dan Proses Izinlalu selesai dilaksanakan, pihak \*saya/ kami bersetuju mengadakan satu Jaminan Bank bernilai RM20,000 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu Sahaja) atas nama TNB dan \*saya/ kami bersetuju memperbaharui Jaminan Bank itu sehingga Tanah Tapak Pemasangan dipindahmilik, dibermilik atau dipajak kepada TNB dan Proses Izinlalu diselesaikan.
6. Sekiranya berlaku ketidakpatuhan dari pihak \*saya/ kami dalam mana-mana terma dan syarat Surat Akujanji dan Tanggungrugi seperti yang telah ditetapkan yang mana akibat dari itu TNB telah menanggung apa-apa kerugian, kehilangan, menanggung apa-apa perbelanjaan, tindakan mahkamah, \*saya/ kami akan menanggung rugi atau apa-apa perbelanjaan termasuk kos dan yuran guaman pihak TNB.
7. \*Saya/ Kami bersetuju untuk menanggung dan/atau menggantirugi segala kos perbelanjaan dan kerugian yang perlu atau akan ditanggung oleh TNB terhadap apa-apa tuntutan dan/atau dakwaan daripada mana-mana pihak yang timbul akibat daripada kemasukan TNB ke atas Tanah Tersebut di mana ia bukan disebabkan kecuaiannya TNB sehingga proses pindahmilik, bermilik atau pajakan Tanah Tapak Pemasangan didaftarkan atas nama TNB sewajarnya dah Proses Izinlalu diselesaikan.
8. \*Saya/ Kami memberi jaminan kepada TNB bahawa pihak yang menandatangani dan menyempurnakan Surat Akujanji dan Tanggungrugi ini seperti di bawah mempunyai kuasa untuk memberikan akujanji dan melaksanakan terma dan syarat Surat Akujanji dan Tanggungrugi ini bagi pihak \*saya/ kami, dan semua kebenaran yang perlu bagi tujuan ini telah diperolehi sewajarnya. \*Saya/ Kami juga bersetuju bahawa TNB menerima Surat Akujanji dan Tanggungrugi ini berdasarkan jaminan yang telah diberikan.

**SURAT AKUJANJI DAN TANGGUNGRUGI PEROLEHAN TANAH TAPAK  
PEPASANGAN ELEKTRIK.**

9. \*Saya/ Kami bersetuju bahawa Surat Akujanji dan Tanggungrugi ini sah dan berkuatkuasa sehingga proses pindahmilik, berimilik atau pajakan Tanah Tapak Pemasangan kepada TNB selesai dan didaftarkan di pejabat tanah yang berkenaan dan Proses Izinlalu diselesaikan walaupun berlaku apa-apa urusan atau urusanniaga di atas Tanah Tersebut termasuk dan tidak terhad kepada proses pecah sempadan, pecah bahagian, penggabungan atau serah balik yang melibatkan Tanah Tapak Pemasangan.
10. \*Saya/ Kami berakujanji kepada TNB bahawa Surat Akujanji dan Tanggungrugi ini merupakan dokumen yang sah dan mengikat \*saya/ kami sebagaimana terma dan syarat yang terkandung di dalam Surat Akujanji dan Tanggungrugi ini walaupun berlaku proses kebangkrapan, penggabungan, penyatuan, penggulangan dan/ atau pembubaran syarikat (mana-mana yang berkenaan).
11. \*Saya/ Kami bersetuju bahawa TNB berhak kepada hak pelaksanaan spesifik atau apa-apa tindakan lain yang dibenarkan undang-undang dan tertakluk kepada Undang-Undang Malaysia.
12. Mana-mana klausa-klausa dalam Surat Akujanji dan Tanggungrugi ini adalah berasingan dan sekiranya mana-mana klausa yang diisytiharkan sebagai tidak sah dan tidak boleh digunapakai menurut Undang-Undang Malaysia ia adalah terhad kepada klausa tersebut sahaja dan tidak akan menjejaskan mana-mana klausa-klausa lain yang masih lagi terpakai.
13. Surat Akujanji dan Tanggungrugi ini mengikat pewaris, wasi, pentadbir, pengganti hakmilik dan wakil-wakil yang dilantik oleh \*saya/ kami.

**SURAT AKUJANJI DAN TANGGUNGRUGI PEROLEHAN TANAH TAPAK**  
**PEPASANGAN ELEKTRIK.**

Surat Akujanji dan Tanggungrugi ini telah dilaksanakan pada \_\_\_ haribulan \_\_\_\_\_  
tahun \_\_\_\_\_

**\*Tandatangan (individu)**

\_\_\_\_\_

Nama:

No. Kad Pengenalan:

**\* Tandatangan (syarikat) dan cop**

Tandatangan oleh )  
untuk dan bagi pihak )  
\_\_\_\_\_ )  
(Nombor Pendaftaran Syarikat: )

**Disaksikan oleh:**

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Jawatan:

**\*potong mana yang tidak berkenaan.**

**SURAT AKUJANJI DAN TANGGUNGJAWAB PEROLEHAN TANAH TAPAK  
PEPASANGAN ELEKTRIK.**

**Lampiran A**  
**(salinan dokumen hakmilik terkini yang diakui sah)**